



NOW EVERYONE PROSPERS (NEP)

The Best of Both Worlds

Now Everyone Prospers

The Best of Both Worlds



©2022 Global Institute For Tomorrow October 2022

Now Everyone Prospers: The Best of Both Worlds. – Kuala Lumpur, Malaysia: Global Institute For Tomorrow

This work is available under the Creative Commons Attribution 3.0 Unported license (CC BY3.0) <http://creativecommons.org/licenses/by/3.0/>. Under the Creative Commons Attribution license, you are free to copy, distribute, transmit, and adapt this work, including for commercial purposes, under the following attributions:

Attribution – Please cite the work as follows: Global Institute For Tomorrow. 2022. Now Everyone Prospers: The Best of Both Worlds. Kuala Lumpur: Global Institute For Tomorrow.

License: Creative Commons Attribution CC BY 3.0.

Translations – If you create a translation of this work, please add the following disclaimer along with the attribution: This translation was not created by Global Institute For Tomorrow and should not be considered an official Global Institute For Tomorrow translation. The Global Institute For Tomorrow shall not be liable for any content or error in this translation.

Published October 2022. Published by Global Institute For Tomorrow at D-23A-05, Menara Suezcap 1 KL Gateway, Bangsar South, No 2. Jalan Kerinchi, Gerbang Kerinchi Lestari, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: + +60 (3) 2715 8160; email: giftasean@global-inst.com

All queries should be addressed to the GIFT South East Asia at the address stated above.

Information on Global Institute For Tomorrow publications and services can be found at <https://global-inst.com/>

Cover artwork based on photos by Ravin Rau, Izuddin Helmi Adnan, Wayne Grazio, and Pat Whelen on Unsplash, and Rifka Hayati on Getty Images.

Kandungan

Pengenalan.....	6
Tonggak 1: Membentuk Semula Asas Ekonomi Malaysia: Menghargai Rakyat dan Alam Sekitar	7
1.1 Metrik Pembangunan untuk Malaysia Moden.....	7
1.2 Pemetaan Varian Modal untuk Penciptaan Nilai Sebenar.....	8
Tonggak 2: Pengutamaan Sara Diri: Membina Daya Tahan Sejati	10
2.1 Jaminan Makanan 100% untuk Daya Tahan Nasional.....	10
2.2 Menterbalikkan Penghijrahan Luar Bandar-Bandar	11
Tonggak 3: Mewujudkan Kemakmuran Berkongsi Bersama: Menghentikan Aktiviti Mengaut Sewa dan Dasar Berasaskan Kaum	13
3.1 Penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja	13
3.2 Pengukuhan Institusi Negara.....	14
Tonggak 4: Reformasi GLC dan GLIC: Daripada Abu Perniagaan-Seperti-Biasa.....	16
4.1 Pengembalian Semula Mandat Sosial GLC	16
4.2 Menubuhkan Ombudsman GLC	17
Tonggak 5: Pendidikan Sebagai Hak Asasi, bukan Hak Istimewa: Membangunkan Rakyat Malaysia untuk Masa Depan	20
5.1 Pengubahan Kuota Berasaskan Kaum kepada Tindakan Afirmatif Berasaskan Keperluan	20
5.2 Semak Semula Pembiayaan Pengajian Tinggi	21
5.3 Melabur dalam Warga Malaysia Moden.....	23

Pengenalan

Now Everyone Prospers: The Best of Both Worlds ialah kertas putih yang dihasilkan oleh Global Institute For Tomorrow (GIFT) yang mengkaji teras isu-isu yang paling kritikal dan rumit di Malaysia, bagi mencadangkan transformasi radikal berkenaan struktur ekonomi, doktrin pembangunan yang dijejaki dalam negara, nilai-nilai asas yang dikongsi oleh rakyat Malaysia, serta pembentukan masyarakat unik berbilang budaya yang mencerminkan Malaysia yang moden. Perkara-perkara ini dirangka dan digubal merentasi lima Tonggak:

1. Membentuk Semula Asas Ekonomi Malaysia: Menghargai Rakyat dan Alam Sekitar
2. Mengutamakan Sara Diri: Membina Daya Tahan Sejati
3. Mewujudkan Kemakmuran Bersama: Menghentikan Aktiviti Mengaut Sewa dan Dasar Berasaskan Kaum
4. Reformasi GLC dan GLIC: Daripada Abu Perniagaan-Seperti-Biasa
5. Sistem Pendidikan Bersepadu untuk Seluruh Rakyat Malaysia

Dalam menangani Tonggak-tonggak tersebut, visi *Now Everyone Prospers* menyediakan naratif baharu yang beraspirasi tinggi untuk membantu parti-parti politik dan pemimpin-pemimpin negara menawarkan hala tuju yang amat diperlukan untuk merealisasikan impian pembaharuan. Ia akan membantu mereka mengharungi cabaran yang dihadapi oleh negara, serta melakar masa depan yang menjanjikan kemakmuran ekonomi tanpa mengorbankan kesihatan masyarakat dan alam sekitar – *kebaikan untuk semua*.

Setiap Tonggak akan diakhiri dengan Agenda Pembaharuan yang merangkumi konsep teras transformasi yang diperlukan di Malaysia. Dokumen ini membentangkan konsep-konsep tersebut, namun ia bukanlah senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada kertas putih lengkap untuk butiran lanjut.

Tonggak 1: Membentuk Semula Asas Ekonomi Malaysia: Menghargai Rakyat dan Alam Sekitar

1.1 Metrik Pembangunan untuk Malaysia Moden

Walaupun Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) merupakan petunjuk umum pertumbuhan dan pembangunan ekonomi, ia tidak harus lagi dianggap sebagai satu-satunya metrik tunggal yang digunakan. Sebuah Malaysia yang moden harus mempertimbangkan cara-cara lain untuk menilai pembangunan yang mengambil kira falsafah pertumbuhan lain, yang tidak dapat dirangkumkan dalam GDP. Cabaran-cabaran utama berkaitan dengan penggunaan metrik tunggal GDP ialah:

1. Ia tidak mengambil kira faktor bukan ekonomi yang penting demi kemajuan Malaysia, termasuk ketidaksamarataan sosioekonomi, kepelbagaiaan biologi (*biodiversity*), stok sumber abiotik, kesejahteraan masyarakat, dan integriti budaya.
2. Walaupun sebagai petunjuk ekonomi semata-mata, ia menawarkan ramalan aktiviti ekonomi yang tidak tepat, kerana aspek negatif aktiviti perniagaan – contohnya pencemaran atau pengambilan makanan segera yang akan sentiasa *menyumbang* kepada GDP, meskipun ia mengakibatkan kemudaratian rakyat dan alam sekitar.
3. Aktiviti ekonomi tidak berbayar yang dijalankan dikecualikan daripada model tersebut. Ini bermaksud produktiviti hanya dianggap “benar” apabila terdapat transaksi kewangan. Ia mengecualikan kerja yang menghasilkan faedah yang tidak dapat dinilai secara langsung dalam ringgit dan sen, seperti kerja yang dilakukan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti untuk memantau dan memulihkan kesihatan sosial dan alam sekitar.

Oleh demikian, pada masa depan, Malaysia perlu memilih atau mencipta metrik pembangunan baharu yang lebih sesuai dalam menggambarkan kerumitan negara, dan boleh dipakai sebagai asas dalam mencapai matlamat negara melangkaui pertumbuhan ekonomi. Metrik-metrik baharu ini boleh digunakan untuk mempertingkatkan Indeks Kesejahteraan Malaysia (MyWI) sedia ada, yang menilai faktor ekonomi dan sosial, tetapi tidak mengambil kira faktor alam sekitar. Justeru, metrik baharu atau yang diperbaharui tersebut boleh mengkaji tiga tonggak rangka kerja Persekuturan, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dan menambah baiknya, memandangkan ESG semakin menarik perhatian pelbagai

pihak dari seluruh pelosok dunia, namun pada masa ini hanya difahami dan digunakan secara dangkal, dan dilaksanakan semata-matanya untuk tujuan kewangan. Ia boleh merangkumi aspek-aspek seperti berikut:

1. Alam sekitar – pelepasan gas rumah hijau, liputan hutan, pengurusan air tawar dan kualiti tanah dan sebagainya.
2. Sosial – ketidaksamarataan sosioekonomi, mobiliti sosial, kualiti penjagaan kesihatan, tahap pendidikan dan tahap keterangkuman umum (jantina, kaum dan lain-lain).
3. Tadbir urus – ketelusan, pengurusan kewangan awam, kedaulatan undang-undang.

Menggabungkan bidang-bidang utama ini untuk menjadi metrik pembangunan baharu akan membantu memberi pemahaman tentang prestasi negara melangkaui sudut pandangan ekonomi semata-mata. Memandangkan petunjuk-petunjuk ini tidak beroperasi secara berasingan, sebarang metrik pembangunan baharu harus menyediakan rasional yang jelas kepada penggubal dasar dan pemimpin perniagaan, yang akhirnya akan bergantung kepada mereka untuk membuat keputusan.

1.2 Pemetaan Varian Modal untuk Penciptaan Nilai Sebenar

Malaysia mempunyai penilaian modal ekonomi yang munasabah, merangkumi aset tunai dan aset lain seperti harta tanah, infrastruktur fizikal, komoditi dan peralatan – seperti kebanyakan negara lain. Namun, pemahaman tentang modal insan, sosial dan alam sekitar negara jauh kurang jelas. Masalah utama yang timbul daripadanya adalah seperti berikut:

1. Harga buruh berada di bawah tahap munasabah dan gaji ditindas bagi menarik pelaburan asing, menjana keuntungan yang lebih tinggi dan mengekalkan harga penggunaan. Ini mengakibatkan negara terlampau bergantung kepada buruh asing yang murah, walaupun terdapat bukti kukuh yang menunjukkan penyalahgunaan sistemik dan penyelewengan dalam pasaran buruh tempatan.
2. Kesepadan sosial tidak diutamakan sebagai sebahagian daripada penggubalan dasar atau aktiviti perniagaan, kerana ia dianggap sebagai “tidak ketara”, justeru mengakibatkan kekurangan nilai sebenar atau harga yang berkaitan. Keadaan ini turut diperhebatkan lagi melalui sisihan perkauman peringkat institusi dalam penggubalan dasar.
3. Kemerosotan alam sekitar berleluasa disebabkan penetapan harga asas sumber yang

tidak tepat. Akibatnya, ia menyebabkan eksplotasi, penyusutan dan pencemaran yang teruk, serta kesan melata kepada masyarakat dan ekonomi Malaysia. Sebegitu juga, ia diperhebatkan oleh kebiasaan aktiviti ekonomi mengaut sewa (*rent-seeking*).

Untuk menangani cabaran-cabaran ini, kerajaan Malaysia perlu menyediakan sistem pemetaan varian modal (*capital variant mapping*), yang merupakan proses memahami faktor yang membentuk varian modal alam sekitar, sosial, insan dan ekonomi di Malaysia serta perkadarannya. Pada masa ini, modal ekonomi ialah varian yang paling difahami. Sebagai contoh, barang dan perkhidmatan dapat dinilai (modal ekonomi) tetapi data adalah terhad mengenai kepentingan keakraban masyarakat atau kepercayaan terhadap kerajaan (modal sosial); sumbangan buruh kasar kepada ekonomi (modal insan) atau nilai sebenar perkhidmatan ekosistem (modal alam sekitar). Ini merupakan contoh-contoh ilustrasi, dan jika pemetaan varian modal disediakan, ia akan membantu menetapkan undang-undang yang diperlukan dan dikuatkuasakan tanpa campur tangan politik. Ini bermaksud melabur dalam penghasilan set data yang menyumbang kepada pemahaman yang lebih dalam terhadap konstituen varian modal dari sudut yang bukan ekonomi semata-mata – iaitu *nilai* varian modal tertentu yang tidak bergantung sepenuhnya kepada *harga*. Ia melibatkan perkara-perkara berikut:

1. Mengenal pasti subset utama varian modal insan, sosial dan alam sekitar, menilai dan memantau peningkatan atau penurunannya merentas masa, serta tindak balasnya terhadap dasar. Satu contoh modal alam sekitar ialah rangkaian penuh perkhidmatan ekosistem yang penting untuk kelangsungan hidup - penapisan air, pembersihan udara dan nutrien untuk tanaman. Namun, cuma segelintir daripadanya difahami atau ditetapkan dengan harga yang betul.
2. Menjalin perkongsian antara kerajaan, perniagaan dan masyarakat sivil bagi membantu mewujudkan keterangkuman dan kepelbagaian dalam proses mengenal pasti, menilai, memantau dan akhirnya, menguruskan varian modal.
3. Mewujudkan campur tangan dan cadangan dasar yang memfokuskan terutamanya kepada penguatkuasaan tepat pada masa untuk mencegah eksplotasi modal insan, sosial dan alam sekitar yang selanjutnya.

Dengan mewujudkan peta varian modal, penggubal dasar dan perniagaan akan memperoleh pemahaman baharu tentang *nilai*, yang akan membantu dalam *penciptaan nilai* dan memberi panduan kepada negara untuk menguruskan masyarakat dan sumbernya dengan cara yang jauh lebih mampan.

Tonggak 2: Mengutamakan Sara Diri: Membina Daya Tahan Sejati

2.1 Jaminan Makanan 100% untuk Daya Tahan Nasional

Pandemik Covid-19 telah mendedahkan keburukan akibat terlalu bergantung kepada rantaian bekalan makanan global. Dalam pada itu, terdapat juga keperluan mendesak untuk memanfaatkan kekayaan sumber di Malaysia untuk mencapai tahap sara diri 100% dari segi makanan ruji untuk rakyat Malaysia, seperti beras, sayur-sayuran, buah-buahan dan ayam itik. Akibatnya, kebergantungan kepada pengimportan untuk makanan ruji telah menyebabkan kesulitan kepada negara, terutamanya seperti berikut:

1. Risiko kepada jaminan makanan, terutamanya disebabkan oleh impak negatif terhadap rantaian bekalan makanan global. Memandangkan bekalan makanan merupakan asas kepada kestabilan sosial, adalah menjadi hak prerogatif kerajaan untuk memastikan bekalan makanan ruji terjamin bagi keperluan rakyat.
2. Kelemahan sistemik yang berpuncu daripada integrasi berlebihan dengan pengimportan makanan serantau dan global, yang menyebabkan negara terdedah kepada turun naik harga barang import, khususnya barang yang diimport secara besar-besaran.
3. Sistem pertanian yang terlalu bergantung kepada tanaman kontan, khususnya kelapa sawit di Malaysia. Ini menyebabkan pelbagai kesan melata termasuk kehilangan kepelbagaian biologi, kemerosotan sosial yang berkaitan dengan teknik pertanian monokultur intensif, serta pengambilan makanan kurang berkhasiat dalam diet harian, yang mengakibatkan peningkatan obesiti.

Memandangkan skop pengeluaran makanan dan rantaian bekalan, banyak usaha yang dilipatgandakan supaya negara dapat bergerak ke arah mencapai tahap sara diri makanan 100%. Ia akan memerlukan usaha bersepadu daripada pelbagai pihak termasuk kerajaan, pengeluar dan golongan penjual – daripada ladang pekebun kecil hingga pengeluar besar-besaran yang sudah berintegrasi dengan rantaian bekalan makanan global. Tiga bidang utama perubahan adalah seperti berikut:

1. Penggubalan dasar yang memantau dan membetulkan titik harga makanan di antara pengusaha di sepanjang rantaian bekalan (iaitu daripada petani hingga pembeli “orang tengah”, penjual dan pengguna), supaya para petani lebih cenderung

menanam pelbagai jenis tanaman makanan dan bukan hanya tanaman kontan.

2. Menumpukan usaha penyelidikan dan pembangunan kepada penghasilan dan pengenalan teknologi keluaran tempatan yang bersesuaian dalam aspek kimia pertanian (baja, racun perosak dan lain-lain) dan aspek mekanikal (unit pengasingan dan pemprosesan dan lain-lain). Yang penting, ia haruslah mampu dimiliki dan sensitif terhadap kesihatan ekosistem.
3. Mengutamakan pemindahan ilmu dan kemahiran kepada petani di Malaysia khususnya dalam hal penggunaan tanah pertanian (termasuk kesihatan tanah dan dinamik lembangan saliran) untuk menggalakkan penggunaan teknik pertanian moden yang lebih mampan.

Sekiranya ketiga-tiga bidang ini diusahakan secara serentak oleh kerajaan, Malaysia akan menampakkan penambahbaikan jaminan makanan negara, dengan peningkatan kecekapan di sepanjang rantaian bekalan, di samping membantu mencapai aspirasi ekonomi yang terangkum.

2.2 Menterbalikkan Penghijrahan Luar Bandar-Bandar

Populasi di Malaysia kebanyakannya terdiri daripada penduduk bandar (70%) dan pola ini kian meningkat. Walaupun urbanisasi telah mendatangkan pelbagai faedah kepada rakyat Malaysia, ia juga membawa banyak kekurangan termasuk peningkatan kesesakan, kualiti pekerjaan yang rendah, dan kadar jenayah yang semakin meningkat. Keadaan ini diburukkan lagi dengan peningkatan trend migrasi luar bandar-bandar, memandangkan penempatan luar bandar tidak menerima tahap pelaburan yang secukupnya untuk pembangunan semula. Justeru, golongan muda tidak lagi melihat masa depan ekonomi yang cerah di kampung halaman luar bandar mereka. Jika negara ingin mencapai tahap daya tahan yang lebih tinggi, ia perlu menterbalikkan penghijrahan luar bandar-bandar. Sebab-sebab utamanya adalah seperti berikut:

1. Populasi petani di negara ini semakin berusia, dan penggantian mereka oleh generasi muda semakin menyusut. Ini akan menyebabkan implikasi serius terhadap masa depan pertanian negara, khususnya dalam hal ehwal jaminan makanan.
2. Populasi luar bandar semakin berkurangan pada kadar yang tinggi, memandangkan golongan muda meninggalkan kampung halaman mereka untuk mencari peluang ekonomi yang lebih baik di kawasan bandar. Ini bermakna kawasan luar bandar

menghadapi isu aliran modal yang berkurangan, pelaburan yang berkurangan, serta pengasingan daripada kualiti hidup bandar yang lebih ketara.

3. Terdapat kehilangan budaya dan tradisi antara generasi di Malaysia apabila golongan muda meninggalkan penempatan luar bandar, yang semakin dikuasai oleh budaya bandar (yang dipengaruhi oleh trend global, terutamanya budaya Barat), yang membawa kepada gentrifikasi budaya tempatan.

Untuk menangani isu-isu ini, usaha bersepada oleh kerajaan dan perniagaan diperlukan untuk menggiatkan semula kawasan luar bandar dan merapatkan jurang ketidaksamarataan antara kawasan luar bandar dan bandar yang semakin meningkat. Tiga bidang tumpuan adalah seperti berikut:

1. Pelaburan harus disalurkan ke kawasan luar bandar untuk meningkatkan daya tarikan kawasan tersebut untuk didiami dan bekerja. Ekosistem kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC, khususnya Institusi Kewangan Pembangunan, DFI) memainkan peranan penting dalam menyediakan dan menambah baik akses kepada keperluan asas, seperti rumah mampu milik yang berkualiti tinggi, infrastruktur awam seperti jalan raya, talian elektrik dan internet, air bersih dan sanitasi, serta perkhidmatan pendidikan yang setanding dengan kawasan bandar.
2. Selain daripada pelaburan untuk keperluan asas dan kualiti hidup, kualiti pekerjaan juga harus menjadi bidang tumpuan dasar yang mutlak. Ia tidak harus bergantung kepada pendekatan “mengejar cerobong asap” (*smokestack chasing*) (menawarkan insentif kepada satu-dua majikan besar untuk menujuhkan operasi di kawasan luar bandar) kerana ini tidak akan merancakkan ekonomi tempatan.
3. Lebih banyak perlindungan sosial dan ekonomi harus disediakan untuk para petani, yang merupakan pelindung tanah dan jaminan makanan dan sebagai insentif untuk menggalakkan belia luar bandar mempelopori kerjaya dalam bidang pertanian dan pemuliharaan alam semula jadi. Mekanisme perlindungan ini tidak seharusnya tertumpu kepada subsidi semata-mata, tetapi juga harus merangkumi inovasi skim insurans tanaman/penternakan dan akses kepada ilmu dan peralatan pertanian regeneratif.

Melalui penggubalan dasar yang mengutamakan pelaburan dan perlindungan komuniti luar bandar, faktor-faktor yang mendorong belia meninggalkan penempatan luar bandar akan dapat dikurangkan dengan ketara, supaya mereka akan kekal dan menyumbang kepada pemulihan kawasan pedalaman Malaysia.

Tonggak 3: Mewujudkan Kemakmuran Berkongsi Bersama: Hentikan Aktiviti Mengaut Sewa dan Dasar Berasaskan Kaum

3.1 Tubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja

Aktiviti mengaut sewa merentasi semua peringkat ekonomi di Malaysia, terutamanya di peringkat tertinggi bidang perniagaan dan politik. Ia mungkin merupakan ancaman terbesar kepada kemakmuran berkongsi bersama di negara ini. Tiga jenis kemudaratannya adalah seperti berikut:

1. Penyalahgunaan duit rakyat melalui penawaran kontrak infrastruktur tanpa proses tender yang sewajarnya, yang memanfaatkan segelintir individu.
2. Penggalakan sistem “yang penting adalah siapa yang kamu kenal, bukan apa kamu tahu” (*who you knowm not what you know*) yang beroperasi di Malaysia. Perkara ini mengakibatkan ketidaksamarataan dari segi akses kepada peluang, ketidakcekapan kepimpinan organisasi, projek berkualiti rendah dan inovasi yang terbantut.
3. Perpecahan kaum yang semakin teruk, memandangkan aktiviti mengaut sewa sering berkaitan dengan motivasi perkauman, termasuk simpanan kekayaan di kalangan kumpulan kaum.

Walau bagaimanapun, tahap sebenar kemudaratannya yang disebabkan oleh aktiviti mengaut sewa yang berleluasa tidak diketahui. Maka, sebarang usaha untuk mengurangkan aktiviti mengaut sewa memerlukan siasatan yang lebih ketara untuk mengenal pasti tahap sebenar cabaran dan penyelesaian untuk mengatasi keadaan. Oleh itu, Suruhanjaya Siasatan Diraja harus ditubuhkan untuk memeriksa secara bebas budaya berakar-umbi dalam yang membenarkan perkembangan ekonomi politik, serta akibatnya yang memudaratkan negara dari segi kewangan dan sosial. Dalam proses ini, aktiviti mengaut sewa perlu disiasat agar orang ramai dimaklumkan, dan akhirnya, orang yang terlibat akan menghadapi pendakwaan. Tiga ciri-ciri utama suruhanjaya ini adalah seperti berikut:

1. Terma rujukan suruhanjaya ini akan dinyatakan dengan jelas untuk menyerlahkan kepentingan objektifnya, menyiasat aktiviti mengaut sewa dalam negara, dan menyediakan analisis yang mantap tentang penyekatan kesamarataan sosioekonomi dan kesannya terhadap negara.
2. Ia juga akan menyiasat tindakan afirmatif yang berdasarkan kaum untuk menentukan

implikasi sosial dan mendorong aktiviti mengaut sewa, termasuk cadangan reformasi.

3. Ahli-ahli suruhanjaya berbeza daripada individu yang beroperasi dalam sistem politik semasa di Malaysia, ataupun penerima manfaat daripadanya. Sebaliknya, mereka akan dipilih berdasarkan merit untuk kecekapan dan penjagaan mereka secara bebas. Keberkesanan suruhanjaya bergantung kepada keupayaan ahlinya untuk melaksanakan tugas dengan berani tanpa unsur pilih kasih.

Semestinya, penubuhan suruhanjaya ini bukan penyelesaian dengan sendirinya. Cabarannya adalah menggunakan hasil selidik Suruhanjaya Diraja untuk mempertimbangkan campur tangan dasar yang akan memastikan kesamarataan untuk semua rakyat Malaysia.

3.2 Pengukuhan Institusi Negara

Salah satu faktor asas keleluasaan aktiviti mengaut sewa adalah penguatkuasaan undang-undang yang longgar dan kekurangan kebebasan pihak berkuasa di bawah Eksekutif. Oleh itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Polis Diraja Malaysia adalah dua institusi utama yang sering menjadi tumpuan kerana dianggap kekurangan kebebasan, malah turut memainkan peranan dalam melanjutkan amalan yang tidak adil. Terdapat dua faktor utama yang dipertimbangkan dalam mengukuhkan prestasi mereka:

1. Kedua-dua institusi adalah amat penting dari segi kedaulatan undang-undang. Kelemahannya harus diakui dan diperbaiki secara terbuka bagi memulihkan kewibawaan mereka dan memenangi semula kepercayaan orang ramai. Terdapat kekurangan pengasingan kuasa dalam organisasi tersebut, disebabkan oleh penumpuan kuasa Eksekutif yang berlebihan. Jangkauan Eksekutif dalam pentadbiran negara menyebabkan implikasi yang mendalam seterusnya menghakis keupayaan ketua-ketua institusi tersebut dalam melaksanakan tugas mereka tanpa rasa takut atau pilih kasih. Sebaliknya, mereka diminta untuk memenuhi pelbagai keperluan (serta tuntutan) Eksekutif, dan ketidakpastian tempoh perkhidmatan turut memburukkan lagi keadaan.
2. Hal ini telah berlaku sepanjang enam dekad di bawah pemerintahan satu parti, di mana institusi negara berpatuh kepada politik elit (yang merupakan penerima manfaat utama model mengaut sewa yang mendalam).

Ini merupakan cabaran struktur mendalam yang memerlukan transformasi ketara. Tiga

daripadanya adalah seperti berikut:

1. Memulihkan kebebasan agensi-agensi tersebut dengan menempatkan fungsi-fungsi penting mereka di bawah kuasa parliment dan memastikan bahawa mereka kekal dilindungi daripada sebarang kemungkinan campur tangan Eksekutif. Ini akan membantu meningkatkan akauntabiliti dan memulihkan keyakinan orang ramai, yang merupakan faktor-faktor penting terhadap semua institusi negara.
2. Ketua-ketua institusi tersebut mesti mempunyai kecekapan profesional serta nilai integriti dan daya tahan sebagai pra-syarat untuk memimpin organisasi yang memainkan peranan penting dalam proses semak dan imbang. Ia mestilah menjadi suatu kebiasaan untuk “mengotakan apa yang dikatakan” untuk memenangi semula kepercayaan orang ramai.
3. Ketua-ketua institusi tersebut juga harus diberi jaminan tempoh perkhidmatan. Mereka hanya boleh dipecat sekiranya berlaku salah laku atau pelanggaran undang-undang yang serius, yang hanya boleh ditentukan oleh panel pakar bebas.

Dengan ini, institusi tersebut boleh memenuhi mandat mereka dengan lebih cekap dan mengurus aktiviti mengaut sewa yang berlaku dengan lebih berkesan dalam sektor awam dan swasta.

Tonggak 4: Reformasi GLC dan GLIC: Daripada Abu Perniagaan-Seperti-Biasa

4.1 Mengembalikan Semula Mandat Sosial GLC

Memandangkan sumber kewangan dan pengaruh besar yang dimiliki oleh GLC, mereka adalah alat penting untuk membantu kerajaan mencapai aspirasi dan visi *Now Everyone Prospers*, kerana mereka bertindak sebagai saluran utama agenda sosioekonomi kerajaan. Walaupun asal usul GLC adalah selaras dengan keperluan negara, kebanyakan entiti tersebut telah berubah menjadi organisasi yang menumpukan kepada keuntungan, mengekalkan nilai untuk pemegang saham, mempromosikan keistimewaan Bumiputera dan meningkatkan pelaburan dalam pelbagai bidang aktiviti perniagaan. Akibat daripada perubahan ini sejak beberapa dekad yang lalu, ia telah menghasilkan kesan buruk yang termasuk:

1. Pengecualian objektif sosial daripada perlumbagaan dan visi banyak GLC, yang bermaksud GLC tidak ada kewajipan dari sisi undang-undang untuk beroperasi demi manfaat masyarakat Malaysia. Oleh itu, mandat sosial telah diperkecilkan menjadi aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR), dan bukan teras model perniagaan. Ini bermaksud GLC tidak bertindak secara berkesan sebagai pembimbing dan pemangkin untuk pembangunan mampan yang bermakna di Malaysia.
2. Banyak GLC mempunyai mandat di peringkat persekutuan dan negeri yang menyebabkan pertindihan mandat, persaingan langsung dengan sektor swasta, penggunaan sumber yang tidak cekap dan dalam sesetengah keadaan, kegagalan melaksanakan mandat yang diberikan (tanpa akauntabiliti atau akibat).
3. Banyak GLC didominasi oleh kakitangan Bumiputera, dan aktiviti organisasinya mungkin menjurus ke arah menggalakkan perkembangan Bumiputera yang mengorbankan kepentingan kumpulan etnik lain. Ini sebahagian besarnya adalah kerana mandat asal mereka ditetapkan untuk membantu menyediakan pekerjaan dan meningkatkan kualiti hidup golongan Bumiputera. Walaupun ini adalah sesuai pada peringkat permulaan, sudah tiba masanya untuk memodenkan dan mengemaskinikan mandat ini agar ia menjadi lebih terangkum untuk semua rakyat Malaysia, dan tidak lagi mendiskriminasi kaum.

Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk mengkaji semula mandat pelbagai GLC dan mempertimbangkan pilihan bagi memastikan sumber digunakan secara berkesan untuk mengurangkan ketidakcekapan dan memastikan GLC melaksanakan mandat mereka. Tiga aspek utama untuk dipertimbangkan bagi mengembalikan semula mandat GLC:

1. Perlembagaan GLC perlu dikaji semula dan diubah melalui proses yang wajar untuk menyatakan dengan jelas tanggungjawab sosial GLC, termasuk objektif, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan keperluan untuk ketelusan sebagai perlindungan daripada aktiviti mengaut sewa. Ini adalah serupa dengan Inisiatif Perkuuh kerajaan yang dilancarkan pada Ogos 2021 yang bertujuan untuk memperbaharui peranan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dalam masyarakat dan ekonomi Malaysia, namun harus bergerak melawan arus daripada hasil untuk memperbaharui artikel persatuan dan artikel memorandum GLC utama.
2. Mandat GLC perlu disesuaikan untuk tujuan dan sejajar dengan keutamaan pembangunan negara. Oleh itu, kerajaan perlu menjalankan kajian bebas yang menggariskan keperluan pembangunan negara, peranan sedia ada dan penciptaan nilai daripada senarai penuh GLC (yang merupakan tugas yang berat, memandangkan kekurangan keterlihatan dan ketelusan untuk angka ini) bagi mencadangkan bidang utama untuk penambahbaikan di mana GLC boleh menumpukan perhatian.
3. Hasil implikasi daripada ini yang tidak dapat dielakkan adalah penggabungan GLC dengan mandat yang bertindih, serta penutupan GLC yang tidak diperlukan atau tidak cekap, bagi memastikan sinergi tercapai dan pembaziran diminimumkan. Penggabungan akan memastikan sumber digunakan dengan lebih berkesan. Satu contoh yang baik ialah penggabungan di antara Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan Danajamin Nasional baru-baru ini.

Dengan mengembalikan semula mandat sosial GLC, mereka dapat menyumbang dengan lebih baik kepada pembangunan negara dengan menyokong rancangan pembangunan negara, melabur dalam teknologi baharu, melaksanakan projek infrastruktur yang besar, menggalakkan pertumbuhan serta keterangkuman dengan meningkatkan kepelbagaian tenaga kerja mereka dari segi jantina, kumpulan etnik dan umur, serta menambah baik amalan kehidupan-kerja.

4.2 Menubuhkan Ombudsman GLC

Memandangkan kemungkinan penyalahgunaan dana awam oleh ahli politik dan pentadbir GLC, adalah penting bahawa mekanisme tadbir urus dalam GLC adalah tegas, teguh dan telus. Walaupun sesetengah GLC mungkin berada di bawah bidang kuasa badan kawal selia seperti Suruhanjaya Sekuriti dan Bank Negara Malaysia, tidak ada badan kawalan dan penyeliaan pusat yang wujud khas untuk GLC. Oleh itu, kebanyakan GLC ditadbir dengan pemantauan yang minimum. Setentunya, keadaan ini membawa kepada banyak kesan buruk yang termasuk:

1. Campur tangan politik dan pelantikan GLC sebagai alat untuk mendapatkan sokongan, yang melemahkan meritokrasi dalam pemilihan individu berkelayakan untuk memegang jawatan kepimpinan, termasuk di peringkat lembaga pengarah. Ini memberi kesan kepada keupayaan GLC untuk memenuhi mandatnya dan mengekalkan kepercayaan orang ramai. Inilah sebabnya kenapa prestasi ekosistem GLC di Malaysia sentiasa berada dalam keadaan tidak menentu.
2. Kehilangan dana awam adalah berleluasa, sama ada melalui penyaluran dana ke dalam projek yang tidak diperlukan, kontrak bagi mereka yang bukan paling berkelayakan untuk projek melalui proses perolehan yang tidak telus, penyelamatan (*bailout*) apabila GLC tidak dapat mengekalkan tahap prestasi disebabkan model perniagaan yang cacat, atau kepimpinan yang mencuri dana untuk keuntungan peribadi.
3. Disebabkan akses kepada dana awam, GLC kekurangan daya saing seperti dalam sektor swasta. Oleh itu, ia sering dikritik kerana bersifat monolitik tanpa badan tambahan selain GLC pegangan mereka untuk menguatkuasakan akauntabiliti, atau menggalakkan inovasi dan transformasi.

Berdasarkan cabaran tersebut, terdapat keperluan mendesak untuk menujuhkan badan kawal selia yang mengawasi GLC, yang mungkin wujud dalam bentuk Ombudsman GLC. Ombudsman ini mempunyai tiga ciri-ciri utama:

1. Memandangkan kesalinghubungan di antara negara, politik dan GLC, Ombudsman GLC perlu memastikan kebebasan penuh dalam penubuhannya untuk menjamin bahawa pengawalseliaan dan penyeliaan GLC memenuhi objektif yang diingini, dan pelantikan ahli lembaga pengarah telah diteliti dengan sewajarnya memandangkan

persepsi orang ramai terhadap kronisme, amalan pilih kasih, kekurangan meritokrasi dan prasangka perkauman.

2. Ombudsman yang akan melapor kepada Perdana Menteri, tetapi dipertanggungjawabkan oleh parlimen, harus diberi kuasa bebas untuk menyiasat kemungkinan salah laku dan bertindak setelah menerima aduan (termasuk menerusi saluran pemberi maklumat).
3. Sebagai sebahagian daripada peranan penyeliaan ini, ia juga harus mencadangkan bidang penyelidikan dan pembangunan untuk meningkatkan pelaburan, yang kekal sebagai salah satu kritikan utama terhadap GLC, memandangkan tahap inovasi mereka yang lebih rendah berbanding dengan sektor swasta.

Walaupun ini mungkin dianggap sebagai suatu usaha besar, kita boleh merujuk kepada keberkesanan Suruhanjaya Penyeliaan dan Pentadbiran Aset Milik Negara Dewan Negara (SASAC) di negara China, yang ditubuhkan pada tahun 2003 untuk tujuan ini (dan untuk meliputi ekonomi dan bilangan GLC yang jauh lebih besar). SASAC telah bekerjasama dengan perkhidmatan awam di China dan berjaya menangani rasuah dan penyelewengan. Kini, ia merupakan entiti ekonomi terbesar di dunia.

Tonggak 5: Pendidikan Sebagai Hak Asasi, bukan Hak Istimewa: Membangunkan Rakyat Malaysia untuk Masa Depan

5.1 Mengubah Kuota Berasaskan Kaum kepada Tindakan Afirmatif Berasaskan Keperluan

Salah satu ciri yang paling ketara dalam sistem pendidikan di Malaysia ialah dasar berdasarkan kaum yang nyata. Sekolah vernakular dan kurikulumnya merupakan norma yang telah lama ditubuhkan untuk sekolah rendah dan menengah. Namun, dasar berdasarkan kaum yang paling ketara ialah sistem kuota untuk mendaftar kursus Matrikulasi, di mana 90% kuota dikhaskan untuk golongan Bumiputera dan 10% untuk bukan Bumiputera. Kuota tersebut dimulakan pada tahun 2005 yang bertujuan untuk meningkatkan tahap pendidikan serta mobiliti sosial golongan Bumiputera yang lebih miskin. Namun kini, dasar ini tidak lagi menggambarkan komposisi sosioekonomi negara berkenaan dengan segmentasi kaum. Oleh yang demikian, ia kini amat mendiskriminasikan anak-anak Malaysia, yang merupakan masa depan negara. Masalah yang berpunca daripada dasar ini adalah seperti berikut:

1. Golongan bukan Bumiputera terpaksa menghadapi tekanan akademik yang tidak dihadapi oleh golongan Bumiputera. Mereka perlu mencapai gred yang secara purata dua hingga tiga kali lebih baik daripada seorang pelajar Melayu. Walaupun begitu, penempatan kursus masih tidak terjamin. Sebagai golongan minoriti dalam negara yang melaksanakan tindakan afirmatif untuk kaum majoriti bermaksud ramai daripada anak-anak ini mungkin mendapati diri mereka “kurang upaya” dari segi mobiliti sosial pada masa depan.
2. Golongan Bumiputera pula menghadapi impak yang berlainan. Memandangkan mereka tidak perlu bersaing pada peringkat yang sama dengan rakan sebaya bukan Bumiputera mereka, mereka berkemungkinan akan tertanam perasaan layak untuk menerima “hak istimewa” atau lemah berdaya saing sejak usia muda. Sebaliknya, mereka juga mungkin mengalami perasaan rendah diri, memandangkan kuota 90:10 yang memberikan mereka keistimewaan berbanding dengan rakan sekelas bukan Bumiputera mereka.
3. Keadaan ini membawa impak yang meluas kepada negara, termasuk bakat muda bukan Bumiputera yang tidak dibimbing secara cekap untuk menyumbang

kepada modal insan negara, atau belia berkelayakan rendah yang memasuki pasaran pekerjaan, akibat daripada penurunan standard keseluruhan bagi memudahkan kemasukan golongan Bumiputera ke universiti dan mendapat biasiswa. Kuota tersebut bukan sahaja mendalamai perpecahan di antara kaum, malah juga memudarangkan kualiti modal insan negara dalam jangka masa panjang.

Untuk menangani masalah ini, sistem kuota berasaskan kaum mestilah diselaraskan semula berdasarkan keperluan moden negara. Ini tidak bermaksud ia perlu dimansuhkan, tetapi peralihan daripada dasar berasaskan kaum kepada dasar berasaskan keperluan, iaitu penempatan berasaskan tahap pendapatan, dan bukan dasar yang melaksanakan diskriminasi kaum. Terdapat dua pertimbangan untuk reformasi ini:

1. Peralihan kepada kuota berasaskan keperluan tidak akan mengubah sistem kuota secara mendadak, memandangkan 60% pelajar yang mendaftar kursus Matrikulasi berasal daripada golongan B40. Walau bagaimanapun, angka ini harus mencapai 100%, walaupun mereka adalah daripada kaum minoriti. Terdapat juga kaum Cina dan India yang miskin, yang anak-anak mereka juga berhak menerima pendidikan. Dengan mengalihkan kuota kepada nisbah 70:30, di mana semua pelajar dalam bahagian 70% berasal daripada B40, maka golongan yang lebih miskin akan diberi peluang pendidikan tinggi tanpa mengira kaum, serta tidak menjelaskan peluang golongan lain tanpa mengira kaum.
2. Usaha harus dilakukan untuk menjamin populasi luar bandar diambil kira untuk kuota ini, memandangkan populasi luar bandar merupakan golongan yang paling mungkin diabaikan oleh universiti bandar atau menerima pendidikan menengah yang berkualiti tertinggi.

Melalui pelarasan yang mudah ini, kuota diskriminasi berasaskan kaum yang tercela di Malaysia ini boleh diperbaharui menjadi dasar yang memanfaatkan golongan muda Malaysia yang paling memerlukannya, di samping memanfaatkan negara.

5.2 Semak Semula Pembiayaan Pengajian Tinggi

Kerajaan telah memulakan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) pada tahun 1997 yang menyediakan subsidi memasuki universiti untuk pelajar dari keluarga yang mengalami masalah kewangan. Sistem pinjaman ini bersifat murah hati, dengan

membenarkan pelajar menamatkan pengajian dalam pelbagai bidang dari pelbagai institusi pengajian tinggi. Namun, ia telah mencapai tahap di mana institusi akademik swasta telah dikritik kerana menyalahgunakan sistem ini, memandangkan mereka didorong untuk menarik seramai pelajar yang mungkin, dan bukannya menumpu kepada kualiti pendidikan. Dua kritikan utama adalah seperti berikut:

1. Walaupun pengajian tinggi patut dilabur, universiti swasta telah menggunakan sistem pembiayaan PTPTN yang ditanggung oleh pelajar dan dijamin kerajaan sebagai cara menjalankan “perniagaan besar”. Pada tahun 1997, terdapat hanya empat universiti swasta di mana pelajarnya layak mendapat pinjaman PTPTN. Namun, menjelang 2019, angka ini telah naik secara mendadak ke 66 universiti swasta, 31 kolej universiti swasta dan 329 kolej swasta. Ini telah meningkatkan kos pengajian tinggi, di samping membebankan belia Malaysia yang beraspirasi dengan hutang yang tinggi.
2. Universiti didorong untuk menarik seramai pelajar yang mungkin. Ini telah menyebabkan penghasilan pelbagai kursus baharu yang mungkin memanfaatkan pelajar, tetapi pada masa yang sama masih belum teruji, kurang sesuai dengan keperluan negara, dan berada di bawah standard jika dibandingkan dengan kursus yang lebih tradisional. Selain itu, terdapat juga tumpuan tinggi terhadap kursus yang “menguntungkan” seperti kejuruteraan, perniagaan dan undang-undang yang memanfaatkan negara, tetapi menghasilkan graduan yang berlebihan, maka memberi kesan negatif kepada pengajian, terutamanya bagi pencari kerja kali pertama.
3. Secara keseluruhannya, kualiti pendidikan telah terjejas, memandangkan pelajar yang kurang layak dan standard pengajaran yang rendah telah menjadi perkara biasa. Banyak negara lain tidak menetapkan standard kelulusan yang rendah, yang mengakibatkan kelayakan yang tidak bermutu seperti yang berlaku di kalangan graduan di Malaysia.

Untuk mengatasi cabaran ini, perlu ada pemisahan di antara institusi pengajian tinggi dengan akses kepada modal yang diterimanya berdasarkan bilangan pelajar. Oleh yang demikian, PTPTN dan Kementerian Pendidikan harus menjalani transformasi:

1. Pertama, peruntukan pinjaman atau saiz pinjaman harus diperketatkan. Khususnya, ini bermaksud mengutamakan pelajar yang paling memerlukan bantuan kewangan. Ia juga bermaksud kurang pelajar harus diberi pilihan untuk menanggung hutang yang tinggi. Ini boleh membantu menurunkan kos keseluruhan pengajian tinggi.

2. Kedua, Kementerian Pendidikan harus menyediakan program penilaian akademik yang rapi bagi menentukan kursus pengajian tinggi yang paling selaras dengan wawasan Malaysia atau keperluan pembangunannya. Ia juga harus merangkumi pilihan vokasional dan teknikal. Kemudian, lebih banyak pinjaman boleh ditawarkan kepada pelajar oleh PTPTN, justeru menggalakkan permohonan bersasar. Selain itu, program penilaian harus menilai setiap kursus utama baharu yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi, bagi menentukan sama ada ia memenuhi keterampilan akademik tahap kebangsaan dan standard aras antarabangsa.

Dengan memperbaharui sistem ini, pelajar akan lebih baik dilindungi daripada menanggung hutang pendidikan yang tinggi. Ia juga mengurangkan insentif untuk universiti swasta dalam menyediakan kursus yang berpotensi di bawah standard sebagai cara menarik pelajar, serta pembiayaan PTPTN.

5.3 Melabur dalam Warga Malaysia Moden

Sistem pendidikan di Malaysia merupakan topik yang sering dibahaskan, kerana ramai yang berpendapat bahawa ia telah gagal memenuhi keperluan belia di Malaysia. Seperti isu-isu sosioekonomi lain di Malaysia, terdapat jurang pendidikan yang semakin meluas di antara rakyat Malaysia yang lebih miskin dan kaya, serta kumpulan kaum yang berlainan. Akibatnya, pendidikan telah memburukkan lagi perpecahan sosioekonomi dan bukan membantu memperbaikinya. Ia dipaparkan dalam tiga cara utama:

1. Masih terdapat pergantungan kepada pekerja mahir asing untuk mengisi kekosongan dalam keupayaan profesional di Malaysia. Walaupun pengimportan pekerja mahir sentiasa diperlukan dan berfaedah, wawasan dan inovasi di kalangan organisasi Malaysia berperingkat tinggi jelas diperlukan. Wawasan dan inovasi ini harus diterapkan menerusi sistem pendidikan sejak usia muda.
2. Berkaitan perkara di atas, Malaysia sedang mengalami gelombang kehilangan bakat, yang mana sistem pendidikan adalah bertanggungjawab sebahagiannya. Ramai ibubapa warga Malaysia (dan anak-anak warga Malaysia) merasai bahawa mereka tidak dapat menerima tahap pendidikan yang berdaya saing di peringkat global daripada institusi pendidikan menengah dan pengajian tinggi di Malaysia. Maka, mereka menghantar anak-anak mereka ke luar negara atau ke institusi swasta tempatan yang mengikuti sukanan pelajaran pendidikan luar negara. Setelah menerima pendidikan di peringkat antarabangsa, ramai yang memilih

- untuk mencari kerja di luar negara dan mereka yang pulang tidak berhasrat untuk tinggal lama.
3. Graduan dengan kelayakan dan tahap kemahiran rendah yang menjadi tenaga kerja telah mengecewakan majikan, mengurangkan produktiviti dan menurunkan standard prestasi dalam kedua-dua sektor awam dan swasta.
 4. Akhirnya, sistem pendidikan Malaysia nampaknya tidak menangani hakisan nilai moral, yang sebahagiannya telah mengakibatkan aktiviti mengaut sewa yang lazim di peringkat tertinggi perniagaan dan politik. Lagipun, jika belia di Malaysia nampak pemimpin mereka mengaut keuntungan besar dengan melanggar peraturan tanpa dihukum setelah diberkas, maka tingkah laku ini berpotensi merebak merentasi pelbagai lapisan masyarakat.

Walaupun terdapat banyak strategi untuk menangani isu-isu tersebut, sistem pendidikan Malaysia secara asasnya harus menjurus ke arah menghasilkan “warga Malaysia moden”, iaitu warga bertanggungjawab yang merasai perpaduan dengan rakan-rakan mereka, tidak berpecah-belah kerana kaum ataupun agama, berkemahiran dan beretika, dan mampu menyumbang kepada keperluan modal insan negara. Terdapat dua elemen utama berkaitan hal ini:

1. Kurikulum harus difokuskan semula bagi memenuhi keperluan pembangunan negara. Walaupun tumpuan negara ke atas STEM, khususnya mata pelajaran yang tertumpu kepada teknologi digital harus dipuji, pencapaian cemerlang dalam bidang asas utama juga diperlukan, seperti pendidikan sivik (termasuk anti-perkauman), pertanian dan sistem makanan, pemakanan dan kesihatan fizikal, kejuruteraan alam sekitar termasuk air dan sanitasi, penjagaan kesihatan, tenaga boleh diperbaharui, perancangan bandar, pemulihan luar bandar dan sebagainya. Tidak ada sebab mengapa STEM dan teknologi digital tidak boleh diterapkan dalam bidang-bidang tersebut.
2. Malaysia juga akan dimanfaatkan dengan menggalakkan perubahan minda dan tingkah laku di kalangan belia, untuk memerangi aktiviti mengaut sewa yang berleluasa dalam kerajaan dan syarikat. Integriti dan nilai untuk Malaysia yang lebih baik tidak harus diperkecilkan. Penerapan etika baik dan nilai moral akan memperbaharui minda dan dalam jangka masa panjang, akan membantu membentuk tingkah laku yang mengutamakan kebaikan kolektif dan bukannya keuntungan peribadi jangka pendek.

Dengan sedemikian, Malaysia akan menyelaraskan sistem pendidikannya ke arah mewujudkan warga Malaysia moden. Ini akan menyediakan tenaga kerja yang lebih berkaliber yang sudi kekal dan bekerja di negara ini, di samping menerapkan etika untuk mewujudkan ekonomi yang lebih adil untuk semua.



D-23A-05, Menara Suezcap
1 KL Gateway, Bangsar South
No 2. Jalan Kerinchi
Gerbang Kerinchi Lestari
59200 Kuala Lumpur
MALAYSIA

Tel: +60 (3) 2715 8160
E-mail: giftasean@global-inst.com

www.global-inst.com